



جَبَاتُ كَحَايِمُرِ عَيْتِ قَهْمَش

JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH PAHANG
Jalan Masjid
25000 KUANTAN
PAHANG DARUL MAKMUR



Tel : 09-517 7966
Faks : 09-513 4805
Laman Web: <http://pahang.jksm.gov.my>
E-mail : jksp@esyariah.gov.my

#MajuTerusPahang #Pahang1st

Ruj.Kami : JKSP.100-1/6/3 (39)

Tarikh : **3** Mac 2021

Semua Hakim Mahkamah Tinggi Syariah

Semua Hakim Mahkamah Rendah Syariah

Semua Pegawai / Kakitangan JKSP

YA. Tuan / Tuan / Puan,

ARAHAN PENGOPERASIAN PENUH JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH PAHANG (JKSP)

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sepertimana YA. Tuan / Tuan / Puan sedia maklum, pada 2 Mac 2021, Kerajaan telah mengumumkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) di Negeri Pahang berkuat kuasa mulai 5 Mac 2021 berikutan terdapat penurunan jumlah kes jangkitan COVID-19 pada masa sekarang.
3. Sehubungan dengan itu, adalah dimaklumkan bahawa, Jabatan Kehakiman Syariah Pahang (JKSP) akan mula **beroperasi secara biasa** berkuat kuasa mulai **8 Mac 2021 (Isnin)** dengan **kehadiran penuh** semua kakitangan JKSP. Kehadiran bertugas kakitangan juga hendaklah direkodkan secara *thumbprint* melalui Sistem e-Masa berkuat kuasa pada tarikh tersebut.
4. Selaras dengan arahan ini, pengoperasian JKSP hendaklah dilaksanakan mengikut *Standard Operating Procedure (SOP)* yang telah ditetapkan dengan mengamalkan norma baharu seperti pemakaian pelitup muka (*face mask*), pengambilan suhu badan di pintu masuk premis, penggunaan cecair pencuci tangan (*hand sanitizer*), penjarakan fizikal 1 meter dan sebagainya.

"SYARIAH ASAS KEADILAN"



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2008 CERT. NO. AR5404

5. Sebarang pindaan ke atas pelaksanaan ini akan dimaklumkan dari semasa ke semasa, tertakluk kepada arahan-arahan terkini daripada Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan pentadbiran SUK Pahang. Perhatian dan kerjasama pihak YA. Tuan / Tuan / Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



**(DATO' SRI HAJI ABDUL RAHMAN BIN MD YUNOS, SSAP., DIMP., SMP., PKC.)
KETUA HAKIM SYARIE**